



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SEMESTAR 2 2018/2019

**PPK 201: PENGESANAN DIAGNOSIS DAN PENILAIAN KANAK-KANAK
KHAS**

TAJUK:

**KAJIAN KES TERHADAP KANAK-KANAK YANG MEMPUNYAI
CIRI-CIRI KETIDAKUPAYAAN**

NAMA :

MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

NOMBOR MATRIK : 142591

NAMA PENSYARAH:

PROF. DR LEE LAY WAH

TARIKH PENGHANTARAN:

9 MEI 2019

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	ISI KANDUNGAN	2
	PENGHARGAAN	3
1.0	PENGENALAN	4 - 5
2.0	OBJEKTIF KAJIAN	5
3.0	LOKASI KAJIAN	6
4.0	KAEDAH KAJIAN	7
5.0	DAPATAN KAJIAN	8 - 15
6.0	RUJUKAN	15
7.0	LAMPIRAN	16 -1

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyiapkan tugasan yang bertajuk ‘Kajian Kes Terhadap Kanak-kanak Yang Mempunyai Masalah Ketidakupayaan’. Kajian ini saya mengkaji kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran (Lembam)

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sekolah Kebangsaan Seri Relau, yang memberikan keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah mereka .Tidak lupa juga kepada pensyarah saya bagi subjek Pengesaman diagnosis dan penilaian terhadap kanak-kanak khas (PPK 201) iaitu Prof. Dr Lee Lay Wah yang tidak jemu membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan dan dorongan sepanjang tempoh saya untuk menyiapkan tugasan ini.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada kedua-dua ibubapa saya yang tidak jemu memberi sokongan , dorongan serta nasihat-nasihat yang amat bermakna yang telah memberikan semangat kepada saya lantaran juga banyak membantu saya dari segi bantuan kewangan untuk menyiapkan tugasan ini.

Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan saya kerana sudi memberi bantuan dari segi idea dan tunjuk ajar kepada saya. Ucapan berbanyak-banyak terima kasih atas segala jasa kalian bagi meluangkan masa memberi maklumat dan tunjuk ajar kepada saya disamping bersama-sama menyempurnakan tugasan masing-masing.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada pihak-pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugasan ini. Segala tunjuk ajar dan bantuan daripada anda semua amat saya hargai dan akan saya manfaatkan dari masa ke masa ajaran dan tunjuk ajar yang telah diberikan.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan khas ialah satu program yang dibentuk untuk memenuhi keperluan pendidikan murid-murid yang berkeperluan khas. Pendidikan khas juga merujuk kepada satu pendekatan, rancangan pendidikan, strategi, kaedah dan teknik untuk mengajar murid-murid istimewa kerana mereka tidak berupaya untuk mencapai target yang sepatutnya daripada program sekolah aliran perdana.

Menurut Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992), pendidikan khas adalah satu program pendidikan yang dirancang khas untuk murid-murid istimewa atau luar biasa daripada segi intelek, jasmani, sosial, atau emosi. Mereka tidak akan dapat mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa, hinggakan mereka tidak berupaya mendapat faedah sepenuhnya daripada program pendidikan sekolah biasa. Oleh sebab itu, program pendidikan khas menegaskan kepentingan memelihara setiap murid yang mempunyai potensi yang berbeza. Perbezaan potensi ini mewujudkan pelbagai keperluan pendidikan. Murid-murid istimewa ini hendaklah diberi peluang untuk mengikuti satu program pendidikan khas yang bersesuaian dengan potensi mereka. Program pendidikan khas ini akan dapat mengembangkan potensi mereka secara optimum dan seterusnya menjadikan mereka sebagai warganegara yang berguna, serta berupaya memberikan sumbangan dan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.


Masalah pembelajaran merujuk kepada pelbagai jenis gangguan yang mempengaruhi pemahaman, perhatian, perolehan, organisasi atau menggunakan sesuatu maklumat dalam bentuk *verbal* dan *non-verbal*. Walau bagaimanapun, masalah pembelajaran tidak mendapat satu definisi yang tepat kerana skopnya yang cukup luas dan pembahasan definisi yang berterusan pada zaman ini. Pada tahun 1980, istilah masalah pembelajaran mula diperkenalkan melalui Laporan Warnock untuk menggantikan istilah cacat akal yang merujuk kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Menurut Thomas(1996), masalah pembelajaran (*learning disabilities*) merujuk kepada orang yang mempunyai tahap fungsi intelek terhad dan berkembang pada tahap yang lambat. Menurut kajian, populasi masalah pembelajaran telah merangkumi 10% daripada manusia di seluruh dunia.

Kanak-kanak masalah pembelajaran mempunyai masalah dalam proses pembelajaran dan pencapaian akademik mereka adalah teruk. Mereka mengalami masalah dan interaksi dengan persekitaran yang membawa kepada kelewatan perkembangan. Menurut Nind&Hewett(1998), kanak-kanak ini memerlukan metodologi pengajaran yang boleh menggalakkan mereka berinteraksi. Kemampuan guru untuk berinteraksi adalah amat penting untuk membentuk perilaku mereka yang positif. Adalah tidak dapat dielakkan untuk guru-guru kanak-kanak berkeperluan khas untuk menerima latihan khas supaya dapat mengoptimumkan pembelajaran kanak-kanak ini.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i) Objektif kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru dan pelajar yang saya kaji mengenai perkembangan tingkah laku pelajar serta asas penguasaan 3M dalam diri pelajar yang dikaji. Dengan maklumat yang diperoleh, langkah-langkah yang sesuai dapat dibentuk untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.
- ii) Kajian ini juga dijalankan untuk membolehkan pengkaji mengetahui dengan lebih terperinci mengenai kemahiran tingkah laku, kognitif dan juga kemahiran motor halus dan motor kasar pelajar tersebut disamping mengenalpasti masalah emosi dan sosial yang dihadapinya. Dengan ini,pengkaji dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak berkeperluan khas dengan lebih terperinci dan lebih baik.
- iii) Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan mempelajari secara langsung tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Hasil daripada kajian ini dapat digunakan untuk merangka intervensi awal dan kaedah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai kepada kanak-kanak berkenaan.

3.0 LOKASI KAJIAN



PETA 1 : LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI RELAU



GAMBAR 1 : PINTU UTAMA SK SERI RELAU

4.0 KAE DAH KAJIAN

Untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat dan teperinci tentang pelajar yang saya kaji, 3 kaedah telah dilakukan untuk mengumpul maklumatnya. Antaranya ialah kaedah pemerhatian , temu bual dan senarai semak.

a) Pemerhatian

Ketika menjalankan kajian ini, saya menggunakan kaedah pemerhatian untuk mengumpul segala maklumat yang diperlukan. Melalui kaedah ini saya dapat membuat penilaian terhadap kajian yang dilakukan. Kaedah pemerhatian ini membolehkan saya melihat setiap pergerakan, dan tingkah laku pelajar dalam bilik darjah. Selain itu, melalui pemerhatian ini saya dapat menilai segala perkembangan tingkah laku murid tersebut di dalam bilik darjah.. Oleh itu, jelaslah bahawa melalui kaedah pemerhatian ini kami memperoleh banyak maklumat yang diperlukan untuk menyiapkan kajian ini.

b) Temu Bual

Saya telah menjalankan kaedah temubual ini sebelum serta selepas saya menjalankan kajian dengan menebual guru pendidikan khas yang mengajar kelas pelajar yang dikaji. Bagi kaedah temu bual, saya menemu bual secara langsung pelajar tersebut dan melihat bagaimana pelajar tersebut menerima arahan serta bertindak balas terhadap soalan yang disoal. Saya juga menemu bual guru-guru bagi mengetahui dengan lebih terperinci tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Kaedah temu bual ini memberi impak yang lebih positif, kerana saya beriteraksi secara langsung dengan pelajar yang dikaji dan lebih memahami tingkah laku dan tahap pemahaman pelajar.

c) Senarai Semak

Kaedah senarai semak memudahkan saya mengetahui tingkah laku pelajar berdasarkan bantuan kedua-kedua kaedah di atas iaitu kaedah temubual dan juga kaedah pemerhatian. Melalui dua kaedah tersebut , saya dapat mengisi borang senarai semak dengan lebih mudah dan dapat memahami masalah pelajar dengan lebih khusus. Senarai semak ini telah membantu saya untuk mengolah idea bagi mengenalpasti dengan lebih jelas mengenai personaliti, tingkah laku, kawalan emosi serta tahap kebolehan diri. Kaedah-kaedah ini dijalankan bagi memberi pengesahan dan refleksi ke atas kaedah lain yang saya gunakan.

5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 LATAR BELAKANG PELAJAR YANG DIKAJI

Nama: Adam Hakimi Bin Aminudin

Umur : 9 Tahun

Warganegara : Malaysia

Jantina: Lelaki

Agama: Islam

Bangsa: Melayu

Jenis Kecacatan: Masalah Pembelajaran (Lembam)

Sekolah : Sekolah Kebangsaan Seri Relau

Kelas : Baiduri

Berikut adalah latar belakang pelajar yang saya kaji iaitu Adam Hakim bin Aminudin yang merupakan pelajar di salah sebuah sekolah untuk pelajar program pendidikan khas intergrasi (PPKI) iaitu bertempat di Sekolah Kebangsaan Seri Relau. Adam Hakimi merupakan pelajar darjah 3 yang ditempatkan di dalam kelas Baiduri. Selain itu, Adam Hakimi juga mempunyai masalah dalam pembelajaran, mampu menulis, membaca dan mengira, namun segalanya dilakukan dalam kadar yang perlahan dan kadangkala penggunaan tatabahasa, kosa kata dan ejaan yang digunakan adalah salah dan tidak tepat. Lantaran itu, Adam Hakimi seorang yang sangat aktif di dalam kelas mahupun semasa bersukan dengan rakan-rakan sekelasnya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana semasa saya menemuinya dan bertanyakan tentang sukan kegemarannya, dia menceritakan permainan bolak sepak adalah permainan kegemarannya serta dia juga banyak bercerita mengenai pengalamannya bermain bola sepak bersama rakan-rakannya. Dari segi kognitif, Adam Hakimi agak lambat dalam menyelesaikan arahan yang telah diberikan oleh saya, namun begitu dia sangat cekap dalam mengendalikan motor kasar dan motor halus. Ekoran perkara ini kerana saya

ada memberikan arahan kepada Adam Hakimi untuk memegang pensel dan menulis di dalam instrumen yang telah saya sediakan kepadanya serta saya juga ada memberikan arahan kepadanya untuk cuba melakukan pergerakkan seperti melompat, berlari setempat dan berjalan. Justeru itu, perkara yang dilakukan olehnya adalah sangat baik dan menunjukkan Adam Hakimi tidak memiliki masalah dari segi motor kasar dan juga motor halus.

5.2 BORANG SENARAI SEMAK

5.2.1 BUTIR-BUTIR PERIBADI MURID

Nama: Adam Hakimi Bin Aminudin

Umur: 9 Tahun

Jenis Masalah: Masalah Pembelajaran (Lembam)

Sekolah: Sekolah Kebangsaan Seri Relau

Kelas: Baiduri

5.2.2 BAHAGIAN 1 :TAHAP PENGUASAAN MEMBACA, MENULIS, DAN MENGIRA

I) MEMBACA

BIL	PERKARA YANG DINILAI	YA	TIDAK
1.	Murid dapat membaca perkataan yang mudah	/	
2.	Murid dalam mengenal suku kata yang betul	/	
3.	Murid dapat mengenali tanda bacaan dengan betul		/

4.	Murid dapat mengenal pasti cara sebutan yang betul	<input type="checkbox"/>	
5.	Murid tidak ketinggalan ketika membaca bersama rakan-rakan	<input type="checkbox"/>	

II) MENULIS

BIL	PERKARA YANG DINILAI	YA	TIDAK
1.	Pelajar memegang pensil dengan kemas ketika menulis	<input type="checkbox"/>	
2.	Tulisan kemas		<input type="checkbox"/>
3.	Lancar ketika menulis		<input type="checkbox"/>
4.	Mampu menulis atas garisan yang lurus	<input type="checkbox"/>	
5.	Mampu menulis dalam jangka masa yang panjang	<input type="checkbox"/>	

III) MENGIRA

BIL	PERKARA YANG DINILAI	YA	TIDAK
1.	Mampu mengenalpasti nombor dalam urutan menaik dan menurun	<input type="checkbox"/>	
2.	Mampu melakukan proses penambahan angka yang ringkas	<input type="checkbox"/>	
3.	Mampu melakukan proses penolakan angka yang ringkas	<input type="checkbox"/>	

4.	Mengetahui bilangan minggu dan bulan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Mampu melakukan proses penambahan dan penolakan angka yang besar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

5.2.3 BAHAGIAN 2 : CARA BERKOMUNIKASI

BIL	PERKARA YANG DINILAI	YA	TIDAK
1.	Bertindak balas atas arahan yang diberi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Cara percakapan yang lancar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Memahami arahan yang diberi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Mudah bekerjasama jika melibatkan aktiviti perbincangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Bahasa yang digunakan sopan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Dapat membuat 'eye contact' atau hubungan mata dengan orang lain ketika berkomunikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Tidak mengkritik pendapat orang lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Memberi perhatian ketika orang lain bercakap atau memberi arahan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Dapat bercakap di hadapan rakan-rakan lain dengan baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Dapat menggunakan bahasa baku dengan baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

5.2.4 BAHAGIAN 3 : TINGKAH LAKU DI DALAM KELAS

BIL	PERKARA YANG DINILAI	YA	TIDAK
1.	Menjerit-jerit di dalam kelas		/
2.	Berlari dan melompat di dalam kelas		/
3.	Bercakap dengan bahasa dan nada yang kasar		/
4.	Suka mengasingkan diri		/
5.	Tidak mendengar arahan guru		/
6.	Tidak mampu membuat tugas sendiri	/	
7.	Kurang keyakinan diri	/	
8.	Mempunyai pergerakan yang lambat		/
9.	Bergaul baik dengan rakan-rakan	/	
10.	Terlalu malu untuk menunjukkan bakat diri		/
11.	Suka meminta perhatian		/
12.	Suka mengganggu rakan lain		/

5.3 RUMUSAN

Kajian ini telah mendedahkan pengkaji kepada pengetahuan mengenai kanak-kanak pendidikan khas terutama sekali kanak-kanak dengan masalah pembelajaran (Slow Learner) dan pengkaji turut mempelajari kemahiran hidup dari segi pembelajaran dan tingkah laku dalam pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas. Dengan maklumat yang dapat, langkah-langkah perlulah dilakukan atau dirancang untuk memperbaiki keadaannya dari masa ke masa bagi menambahbaikkan situasi atau keadaan pelajar tersebut.

Kajian ini juga telah membawa pengkaji untuk mendekati kanak-kanak pendidikan khas yang biasanya akan diabaikan oleh masyarakat. Kajian ini telah memberi impak yang besar kepada pengkaji supaya lebih prihatin, ikhlas dan terbuka hati dalam mendalami lagi pelajar berkeperluan khasini. Justeru itu, pengkaji akan untuk meneruskan pengajian dalam menuntut ilmu tentang pendidikan khas dengan lebih mendalam untuk mengenali lagi kanak-kanak keperluan khas ini.

Menerusi kajian ini, pengkaji lebih memahami tentang pekerjaan dan tanggungjawab menjadi seorang guru pendidikan khas dimana tugas yang dipikulnya adalah sangat berat dan memerlukan kesabaran yang tinggi dalam mengajar dan mendidik pelajar. Pengalaman ini akan dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji pada masa hadapan sekiranya pengkaji ingin menjelak diri ke bidang pendidikan khas pada suatu hari nanti.

Tandatangan penilai

Nama:

Tarikh:

5.4 HURAIAN SENARAI SEMAK

Merujuk kepada borang senarai semak di atas menunjukkan tahap penguasaan membaca, menulis, dan mengira dan cara berkomunikasi serta tingkah laku di dalam dari segi emosi dan sosial kanak-kanak berkeperluan khas tersebut. Hasil daripada temu bual dan borang senarai semak yang dilakukan kajian ke atas pelajar yang bernama Adam Hakimi bin Aminudin sebagai responden kajian menunjukkan tiada tingkah laku dan cara berkomunikasi yang teruk di dalam kelas namun Adam Hakimi mempunyai sedikit masalah pembelajaran dimana dia tidak begitu fasih dalam menulis, manakala dari penguasaan membacanya tidak begitu lancar. Dari segi membaca, Adam Hakimi dapat membaca arahan dari aktiviti dan latihan yang diberikan kepadanya dengan lancar dan mampu setiap jawapan yang saya berikan kepadanya. Dari segi menulis, Adam Hakimi dapat memegang pensel itu dengan baik dan mampu menulis akan tetapi mengambil masa yang lama terutama untuk mengeja sesuatu perkataan. Dari segi mengira Adam Hakimi merupakan pelajar yang boleh dikatakan mahir dalam penggiraan akan tetapi tidak menguasai sepenuhnya dalam membaca dan menulis. Hal ini dikatakan demikian kerana dia mampu menjawab dengan cepat setiap soalan pengiraan yang diberikan.

Bagi bahagian kedua untuk borang senarai semak iaitu cara berkomunikasi, Adam Hakimi merupakan seorang yang pendiam pada mulanya tetapi selepas pengkaji cuba berinteraksi dengannya, ternyata dirinya seseorang yang mudah mesra dan suka senyum. Adam Hakimi juga merupakan seorang pelajar yang mudah memahami sesuatu arahan. Walaupun Adam Hakimi mempunyai masalah dalam pembelajaran tetapi dia sentiasa menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru pada masa yang ditetapkan. Lantaran itu, Adam Hakimi tidak mampu melakukan hubungan mata atau ‘*eye contact*’ dengan orang lain serta mempunyai suara yang sangat perlahan. Hussain juga pelajar yang agak pemalu dan agak gugup jika bercakap di hadapan kelas. Sepanjang melakukan temubual, cara percakapannya lancar dan saya memahami jawapan yang disampaikan apabila disoal serta dia juga menggunakan bahasa yang sopan dan tidak suka mengkritik pendapat orang lain

Lantaran itu, sikap tingkah laku dan cara berkomunikasi bagi Adam Hakimi ini tidak terlalu merisaukan akan tetapi tetap sahaja perlu diambil perhatian oleh gurunya dan mengambil langkah untuk memastikan pelajarnya itu dapat menunjukkan kesan yang positif di dalam kelas. Adam Hakimi juga mempunyai tingkah laku yang sangat baik dan disenangi oleh guru dan rakan-rakan. Saya juga amat selesa apabila berbual dengannya sepanjang menjalankan tugas ini. Adam Hakimi seorang pelajar yang mendengar arahan dan tidak mudah mengamuk. Kesimpulannya, walaupun Adam Hakimi mempunyai masalah pembelajaran akan tetapi dalam hal lain, Adam Hakimi merupakan seorang pelajar yang baik dan rajin yang disayangi oleh guru-gurunya.

6.0 RUJUKAN

Sumber Buku

- 1) Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad. (2011). Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- 2) Mohd. Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad dan Zainuddin Mohd Isa. (2013). Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sumber Internet

- 1) <http://skserirelau.blogspot.com/>
- 2) <http://www.mariafirdz.com/2016/09/ciri-ciri-kanak-kanak-lembam.html>
- 3) <https://www.scribd.com/doc/60015579/Definisi-Murid-Bermasalah-Pembelajaran>
- 4) <http://www.myhealth.gov.my/masalah-pembelajaran/>
- 5) <http://sitinurulhuda84.blogspot.com/2012/11/contoh-senarai-semak-untuk-murid.html>
- 6) <http://cikgusuepkhas.blogspot.com/2012/11/contoh-senarai-semak-mate.html>

7.0 LAMPIRAN



